

SOALAN NO. :130

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan senarai pengusahasilan (projek) yang dijalankan di Kawasan Hutan Simpanan Kekal dilesenkan di setiap negeri bagi tempoh 2006- 2016. Perincian senarai berkaitan dan adakah usaha penanaman semula dijalankan. Nyatakan juga berapakah kes pembalakan haram yang dilaporkan pada tempoh sama, jumlah tangkapan dan hukuman yang dikenakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti pengusahaan yang dilaksanakan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia di kawal keluasanya melalui penetapan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara dan terhad hanya dalam kawasan hutan yang dikategorikan sebagai Hutan Pengeluaran sahaja. Berdasarkan rekod jabatan, jumlah kawasan yang telah diusahasil dalam HSK mengikut negeri bagi tempoh 2006-2016 adalah seperti berikut:

**Jadual :** Jumlah keluasan kawasan usahasil dalam HSK mengikut negeri bagi tahun 2006-2016

<b>NEGERI</b>	<b>LUAS KAWASAN USAHASIL (HA)</b>
Johor	22,969
Kedah	27,896
Kelantan	82,891
Pahang	135,117
Perak	77,010
Terengganu	50,469
Melaka	190
Negeri Sembilan	10,095
Selangor	4,551
<b>JUMLAH</b>	<b>411,188</b>

Daripada keluasan 411,188 hektar kawasan HSK yang telah diusahasi bagi tempoh 2006-2016, seluas 11,564 hektar kawasan tersebut telah dijalankan tanaman mengaya. Aktiviti tanaman mengaya ini dilaksanakan oleh JPMS bertujuan untuk memulihkan isi kandungan hutan dengan jenis-jenis pokok berpasaran dan bermutu. Di samping itu,

pihak pelesen pengusahasilan disyaratkan untuk menanam dengan kadar segera kawasan-kawasan terosot akibat aktiviti pengusahasilan yang melibatkan pembinaan lorong penarik dan kawasan matau sementara serta kawasan-kawasan terbuka/rosak sebelum kawasan lesen tersebut ditutup.

Pihak Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan seringkali terlibat dalam aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan jabatan dan agensi penguatkuasaan lain untuk mengawal dan membanteras aktiviti pembalakan haram dan penerokaan hutan. Berikut adalah kes pembalakan haram yang telah dikesan dalam Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan, jumlah tangkapan serta kompaun dan gantirugi dari tahun 2006-2016 sepertimana jadual :-

**Jadual: Kes Pembalakan Haram, Jumlah Tangkapan, Kompaun dan Ganti Rugi Di Semenanjung Malaysia Dari Tahun 2006 - 2016**

Status	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
<b>Dalam Hutan Simpanan Kekal</b>	23	20	29	22	43	21	7	2	1	12	10
<b>Dalam Tanah Kerajaan</b>	11	18	13	8	11	3	1	0	0	0	1
<b>Jumlah Kes</b>	<b>34</b>	<b>38</b>	<b>42</b>	<b>30</b>	<b>54</b>	<b>24</b>	<b>8</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>12</b>	<b>11</b>
<b>Jumlah Tangkapan (Bilangan Orang)</b>	<b>18</b>	<b>34</b>	<b>56</b>	<b>36</b>	<b>39</b>	<b>13</b>	<b>17</b>	<b>0</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>3</b>
<b>Jumlah Kompaun &amp; Ganti Rugi (RM Juta)</b>	<b>2.4</b>	<b>3.1</b>	<b>4.2</b>	<b>1.8</b>	<b>1.3</b>	<b>3.5</b>	<b>5.2</b>	<b>5.3</b>	<b>5.4</b>	<b>5.2</b>	<b>0.4</b>

Sekian, terima kasih.